

# Pelarasan 1,344 institusi TVET dijangka dilancarkan Jun 2024

Rangka dasar pendidikan dibawa ke mesyuarat Kabinet dalam tempoh terdekat

Oleh **Latifah Arifin**  
latifah@bh.com.my



Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, rangka dasar berkenaan akan dibawa ke Mesyuarat Jemaah Menteri dalam tempoh terdekat bagi mendapatkan kelulusan.

“Kerajaan dan pihak swasta harus berkolaborasi, itulah sebabnya Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Persetuan Pengilang-Pengilang Malaysia menjalin usaha sama dengan lebih 10,000 syarikat, dengan semua peserta TVET yang menempatkan kursus terus diserap masuk un-

menakan Majlis Pelancaran MyNext TVET dan Pertukaran Dokumen Memorandum Kerjasama (MOC) Antara Kerajaan dengan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Swasta di pekarangan Stadium Bukit Jalil, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Sumber Manusia, V Sivakumar.

Ahmad Zahid yang juga Pengerusi Jawatankuasa Majlis TVET Negara berkata, kerajaan mahu 70 peratus daripada pengajian TVET memberi penekanan kepada aspek praktikal sebagai satu daripada usaha menambah baik kebolehpasaran pelajar dalam bidang berkenaan.

Beliau berkata, perkara itu sudah pun dicadangkan melalui Majlis TVET Kebangsaan.

“Kami sudah menyampaikan halunya 30 peratus sahaja peserta TVET berada dalam kelas, manakala 70 peratus berada di bengkel, makmal atau di tempat kerja supaya mereka dapat menimba pengetahuan, selain membolihkan mereka mendapat pendidikan di peringkat awal.

“Maknanya, selepas tamat kur-



Ahmad Zahid bersama Sivakumar (kiri) pada perasmian Majlis Pelancaran MyNext TVET dan MOC Antara Kerajaan dengan GLC dan Syarikat Swasta di pekarangan Stadium Bukit Jalil, semalam. (Foto Aziah Azmeel/BH)

peringkatkan daripada kadar 98.5 peratus kepada sekurang-kurangnya 99.5 peratus,” katanya.

### Perkenalan bidang baharu

Dalam memperkasa pendidikan TVET, Ahmad Zahid berkata beberapa bidang baharu turut diperkenalkan antaranya kenderaan elektronik, teknologi kecerdasan buatan (AI), kejuruteraan aeroangkasa dan telekomunika-

kembangan ini), memerlukan kita menyediakan tenaga mahir daripada TVET,” katanya sambil memaklumkan Majlis TVET Negara termasuk Sekretariat TVET Negara sudah pun diaktifkan sepenuhnya.

Menyentuh inisiatif terbaharu melalui MyNext TVET, beliau berkata program itu berperanan sebagai kerangka digital berpusat untuk penyusunan inisiatif

siatif itu penting dalam usaha meningkatkan kebolehpasaran graduan TVET, memperkuatkan penawaran program di institusi TVET dan membantu majlis TVET mengenal pasti bakat berseesuaian serta menepati keperluan.

“MyNext TVET adalah program untuk menterjemahkan visi dalam pekerjaan dalam bidang baharu di mana TVET menjadi pe-

TARIKH: 9/12/23  
SURAT KHABAR: Berita Harian  
MUKA SURAT: 5